



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
SELASA 5 APRIL 2022

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7.	KERJASAMA BANGUNKAN SEKTOR PERTANIAN SARAWAK, UM -ONLINE 80,000 HECTARES TARGETED FOR GRAIN CORN CULTIVATION, BORNEO POST (KK) -ONLINE MAFI SASAR 80,000 HEKTAR TANAMAN JAGUNG BIJIAN MENJELANG 2033, BH -ONLINE MAFI TAK JAMIN STOK AYAM, TELUR CUKUP SEPANJANG RAMADHAN - AHMAD, MALAYSIA GAZETTE -ONLINE SASAR 80,000 HEKTAR TANAMAN JAGUNG MENJELANG 2033, MALAYSIA GAZETTE -ONLINE MAFI SASAR 80,000 HEKTAR TANAMAN JAGUNG BIJIAN MENJELANG 2033, UTUSAN BORNEO SABAH -ONLINE SASAR 80,000 HEKTAR TANAM JAGUNG BIJIAN PADA 2033, NASIONAL, BH -8	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
8. 9. 10.	SELUDUP 12 EKOR LEMBU RAMADHAN GUNA PERAHU, NEGARA, KOSMO -14 12 EKOR LEMBU SELUDUP DIRAMPAS, NEGERI KELANTAN, SH -24 LEMBU PANDAI NAIK PERAHU!, LOKAL, HM -4	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
11. 12. 13. 14. 15. 16. 17. 18. 19. 20. 21. 22. 23.	HARGA NAIK SEHINGGA RM51, LOKAL, HM -3 HARGA BERLAINAN IKUT KOS PEMBEKAL, LOKAL, HM -3 LANGGAR KETETAPAN HARGA SILING AYAM, LOKAL, HM -3 HARGA MAKAN DI BAZAAR RAMADHAN KELANTAN NAIK RM2, LOKAL, HM -3 AMALAN PERTANIAN LESTARI, CETUSAN, SH -17 HARGA AYAM NAIK 30 SEN DI PERLIS, BH -ONLINE CHICKEN GOES FOR RM10 A KG IN JOHOR, NATION, NST -8 HARGA AYAM STANDARD MELAMBUNG RM1.10, DALAM NEGERI, UM -12 HARGA AYAM NAIK, STOK BERKURANGAN, NASIONAL, BH -17 LEMBU 'DARA' JADI REBUTAN, DALAM NEGERI, UM -30 DAGING LEMBU 'DARA' DIJUAL MURAH, NEGARA, KOSMO -16 HARGA AYAM 'CEKIK DARAH' RM10 SEKILO, NEGARA, KOSMO -16 PENDUDUK HARAP WANG KELIAN 'HIDUP' SEMULA, NEGARA, KOSMO -16	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/4/2022	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

## Kerjasama bangun sektor pertanian Sarawak



Abang Johari (kanan) menerima kunjungan Ronald Kiandee di pejabatnya di Kuching baru-baru ini.

PETALING JAYA: Pelbagai bentuk kerjasama bagi memodenkan sektor pertanian di Sarawak dan memajukan sektor agromakanan negara dibincang semasa kunjung hormat [Menteri Pertanian dan Industri Makanan](#) (MAFI), Datuk Dr. Ronald Kiandee terhadap Premier Sarawak Tan Sri Abang Johari Tun Openg baru-baru ini.

Kementerian berkenaan dalam kenyataannya berkata, perhatian akan diberikan terhadap permohonan Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan untuk membantu memperkasa infrastruktur pertanian di Sarawak, khususnya agromakanan.

“Ini untuk menarik lebih banyak pelaburan swasta mengusahakan tanah luas di sini bagi meningkatkan lagi pengeluaran produk-produk agromakanan berskala besar.

“Perkara ini juga sejajar dengan visi membangunkan sektor agromakanan mampan, berdaya tahan dan berteknologi tinggi bagi memacu pertumbuhan ekonomi dan mengutamakan sekuriti makanan dan nutrisi,” katanya ketika kunjung hormat di Pejabat Premier Sarawak, di Kuching baru-baru ini.

Sementara itu, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri komited untuk terus menggalakkan penggunaan teknologi dalam aktiviti pertanian bagi meningkatkan hasil pengeluaran, sekali gus memastikan jaminan bekalan.

Ini kerana teknologi adalah antara langkah penyelesaian bagi menangani isu dan cabaran yang dihadapi oleh sektor agromakanan di peringkat domestik mahupun global.

Turut dibincangkan, cadangan penanaman jagung bijian di Bintulu dan Miri dengan kerjasama pihak swasta untuk menangani masalah import negara yang tinggi bagi produk makanan ternakan.

Untuk rekod, kerajaan melalui kementerian berkenaan memperuntukkan lebih RM150 juta kepada Negeri Sarawak melalui jabatan dan agensinya melaksanakan pelbagai projek, program dan inisiatif merentasi semua subsektor termasuk padi dan beras, perikanan, tanaman dan ternakan. -[UTUSAN](#)



05 APR, 2022

## 80,000 hectares targeted for grain corn cultivation

Borneo Post (KK), Malaysia

Page 1 of 2

# 80,000 hectares targeted for grain corn cultivation

**JASIN:** The Ministry of Agriculture and Food Industries (MAFI) is targeting about 80,000 hectares nationwide to be cultivated with grain corn by 2033 to meet the growing domestic demand, thus reducing import dependence.

Its Deputy Minister I Datuk Seri Ahmad Hamzah said the move was being taken upon realising the high demand for the animal feed component as well as the sharp increase in prices in the world market, which had various effects, including on the current chicken price.

"If in the past, grain corn received less attention to be planted because the price was very cheap at around RM500 per tonne. But the price shot up to RM900 per tonne and has further increased by 110 per cent at this time, which is RM1,900 per tonne.

"The cultivation of grain corn has also started in suitable areas in several places, such as in Melaka, Perlis and others and we also very much welcome the participation of private companies to cultivate the crop on a large scale," he told reporters here yesterday.

Earlier, he had attended the "Jualan Kasih Ramadan" programme organized by the Federal Agricultural Marketing Authority (FAMA)

at the Jasin Parliamentary Office compound in Merlimau here, which was also attended by FAMA Board Member Datuk Ghazale Muhamad.

In conjunction with Ramadan, the programme offered a thrift sale with prices cheaper than the market.

There was one offer called combo A priced at RM30 for five kilogrammes of rice, a chicken, two packets of cooking oil, an egg board and a pineapple while combo B priced at RM15 comprised fruits and combo C for an assortment of vegetables.

Commenting further, Ahmad said that through the National Agro-Food Policy, the ministry also took systematic measures including conducting research through agencies such as the Malaysian Agricultural Research and Development Institute (MARDI) and others to find alternative food sources.

"As we know corn and soy are among the important components for livestock industry feedstock such as poultry, chickens and ducks as well as ruminants such as cows, goats, buffaloes and others which also depend on these nutrients.

"Research has found the use of palm kernel cake (PKC) can be used as an alternative food for livestock," he said.  
— Bernama



05 APR, 2022

## 80,000 hectares targeted for grain corn cultivation

---

Borneo Post (KK), Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

JASIN: The Ministry of Agriculture and Food Industries (MAFI) is targeting about 80,000 hectares nationwide to be cultivated with grain corn by 2033 to meet the growing domestic demand, thus reducing import dependence.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/4/2022	BERITA HARIAN	ONLINE	

## MAFI sasar 80,000 hektar tanaman jagung bijian menjelang 2033



MAFI menyasarkan kira-kira 80,000 hektar kawasan seluruh negara akan diusahakan dengan tanaman jagung bijian menjelang 2033 bagi menampung permintaan dalam negara yang kian meningkat, sekali gus mengurangkan kebergantungan import dari negara luar. - Foto hiasan

JASIN: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menyasarkan kira-kira 80,000 hektar kawasan seluruh negara akan diusahakan dengan tanaman jagung bijian menjelang 2033 bagi menampung

permintaan dalam negara yang kian meningkat, sekali gus mengurangkan kebergantungan import dari negara luar.

Timbalan Menteri MAFI 1, Datuk Seri Ahmad Hamzah, berkata langkah itu diambil berikutan menyedari permintaan tinggi terhadap komponen makanan haiwan itu selain peningkatan harga mendadak di pasaran dunia sehingga memberi pelbagai kesan termasuk harga ayam semasa.

"Jika dahulu jagung bijian ini kurang mendapat perhatian untuk ditanam kerana harganya yang sangat murah sekitar RM500 untuk satu tan, seterusnya kepada RM900 satu tan dan harganya terus meningkat 110 peratus pada ketika ini iaitu RM1,900 untuk satu tan.

"Penanaman jagung bijian ini juga telah dimulakan di beberapa tempat iaitu kawasan yang bersesuaian, antaranya di Melaka, Perlis dan sebagainya dan pihak kami juga amat mengalu-alukan penyertaan syarikat swasta untuk mengusahakan tanaman jagung ini dalam skala yang besar," katanya hari ini ini.



Datuk Seri Ahmad Hamzah.

Terdahulu beliau hadir pada program Jualan Kasih Ramadan anjuran Lembaga Pemasaran Pertanian Malaysia (FAMA) di perkarangan Pejabat Parlimen Jasin di Merlimau di sini, yang turut dihadiri Ahli Lembaga Pengarah FAMA Datuk Ghazale Muhamad.

Sempena Jualan Kasih Ramadan itu orang ramai ditawarkan jualan jimat yang menawarkan harga

lebih murah dari pasaran iaitu kombo A berharga RM30 bagi pakej berupa beras lima kilogram, seekor ayam, dua paket minyak masak, satu papan telur dan nanas manakala kombo B berharga RM15 bagi pelbagai buah-buahan dan kombo C untuk sayur-sayuran.

Mengulas lanjut Ahmad berkata menerusi Dasar Agromakanan Negara, kementerian juga mengambil langkah sistematik termasuk menjalankan penyelidikan melalui agensi-agensi seperti Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dan sebagainya untuk mencari sumber alternatif.

"Seperti kita tahu jagung dan soya antara komponen penting untuk bahan makanan industri ternakan seperti unggas, ayam dan itik selain haiwan ruminan seperti lembu, kambing, kerbau dan sebagainya yang turut bergantung kepada nutrisi ini.

"Antara penyelidikan ditemui penggunaan isirong kelapa sawit (PKC) yang boleh dijadikan makanan alternatif bagi haiwan ternakan itu," katanya. – BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/4/2022	MALAYSIA GAZETTE	ONLINE	

## MAFI tak jamin stok ayam, telur cukup sepanjang Ramadan – Ahmad



Ahmad Hamzah (tengah) pada Program Jualan Kasih Ramadan MAFI dan Parlimen Jasin di Perkarangan Pusat Khidmat Parlimen Jasin, hari ini.

JASIN – Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) tidak dapat memberi jaminan bekalan ayam dan telur di negara ini mencukupi sepanjang Ramadan dan Syawal ini.

Timbalan Menteri I, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, bagaimanapun segala usaha telah dilakukan bagi memastikan bekalan dan harga dibekalkan kepada pengguna mencukupi.

“Pada ketika ini yang paling kita bimbang sedikit adalah bekalan ayam dan telur yang diharapkan ianya dapat memenuhi permintaan sepanjang Ramadan dan Syawal ini.

“Setakat ini petanda-petanda (ada bekalan) cukup baik, tapi tak dapat anggarkan sama ada ianya mencukupi,” katanya ketika ditemui pemberita pada Program Jualan Kasih Ramadan MAFI dan Parlimen Jasin di Perkarangan Pusat Khidmat Parlimen Jasin hari ini.

Hadir sama, Ahli Lembaga Pengarah FAMA, Datuk Wira Ghazale Muhamad.

Mengulas lanjut, Ahmad berkata, pihaknya turut berharap bekalan ayam dan telur terus stabil kerana kerajaan telah memberikan subsidi kepada penternak untuk membantu mereka bagi tempoh empat bulan bermula 5 Februari sehingga 5 Jun ini.

“Kita sudah tetapkan harga jualan runcit maksimum bagi sekilogram ayam adalah RM8.90 setelah disubsidi 60 sen bagi sekilogram manala telur juga mereka dapat subsidi lima sen sebiji,” katanya.

Pada 4 Februari lalu, MalaysiaGazette melaporkan krisis bekalan telur ayam dijangka memuncak apabila bekalan di seluruh negara dijangka merosot sehingga 4.5 juta biji sehari atau lebih menjelang Ramadan dan Syawal ini.

Angka itu berdasarkan kira-kira 1,500 pengusaha ladang ayam penelur yang membekalkan antara 27 juta hingga 30 juta telur sehari terpaksa mengurangkan pengeluaran sehingga 15 peratus kerana tidak mampu menampung kos operasi yang semakin meningkat.

Susulan itu pada 9 Februari lalu, Jemaah Menteri, mengumumkan pemberian subsidi 60 sen sekilogram kepada penternak ayam dengan mengambil kira harga ayam hidup di peringkat ladang sebanyak RM5.90 sekilogram dan harga runcit ayam bulat standard RM8.90 sekilogram.

Jemaah Menteri turut bersetuju memberi subsidi sebanyak lima sen bagi setiap biji telur untuk semua jenis kategori bagi meringankan beban penternak susulan peningkatan kos terutama kos makanan yang meliputi 70 peratus daripada kos pengeluaran selain kos logistik, kos pekerja, kos utiliti dan kos ubat-ubatan.- MalaysiaGazette

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/4/2022	MALAYSIA GAZETTE	ONLINE	

## Sasar 80,000 hektar tanaman jagung menjelang 2033



Ahmah Hamzah (kanan) pada Program Jualan Kasih Ramadan anjuran Lembaga Pemasaran Pertanian Malaysia (FAMA) di Jasin, Melaka hari ini.

JASIN – Seluas 80,000 hektar kawasan seluruh negara akan dijadikan tanaman jagung bijian menjelang 2033 bagi menampung permintaan negara yang semakin meningkat.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) I, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, langkah itu juga bertujuan mengurangkan kebergantungan import dari negara luar.

Menurutnya, tindakan itu juga susulan Kementerian yang menyedari peningkatan harga mendadak makanan haiwan itu di pasaran dunia sehingga memberi pelbagai kesan termasuk harga ayam semasa.

“Hasrat kita adalah untuk mengurangkan kebergantungan sumber dari luar agar kita dapat beli makanan keluaran negar sendiri. Memang dulu kita pernah tanam jagung bijian, tetapi disebabkan harganya yang murah, kita pilih untuk beli dari luar kerana lebih ekonomi.

“Tapi nampaknya saban tahun harganya semakin naik, daripada RM500 satu tan, pergi kepada RM900 satu tan pada 2020 dan akhirnya pada 2022 ia naik mendadak sebanyak 110 peratus menjadi kepada RM1,900 satu tan.

“Sebab itu sekarang ini kita sedang cari kawasan-kawasan lain yang bersesuaian untuk penanaman jagung,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri program Jualan Kasih Ramadan anjuran Lembaga Pemasaran Pertanian Malaysia (FAMA) di sini hari ini. Turut hadir Ahli Lembaga Pengarah FAMA Datuk Ghazale Muhamad.

Mengulas lanjut, Ahmad turut mengalu-alukan syarikat swasta untuk bersama-sama kerajaan dalam usaha tanaman itu yang menyasarkan sekitar 80,000 hektar kawasan seluruh negara akan diusahakan dengan tanaman jagung bijian menjelang 2033.

Tambahnya, Kementerian menerusi Dasar Agromakanan Negara, juga mengambil langkah sistematik termasuk menjalankan penyelidikan melalui agensi-agensi seperti Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) untuk mencari sumber alternatif.

“Antara penyelidikan ditemui penggunaan isirong kelapa sawit (PKC) yang boleh dijadikan makanan alternatif bagi haiwan ternakan seperti unggas, ayam dan itik selain haiwan ruminan seperti lembu, kambing, kerbau dan sebagainya.- MalaysiaGazette



05 APR, 2022

## MAFI sasar 80,000 hektar tanaman jagung bijian menjelang 2033

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

Page 1 of 2

# MAFI sasar 80,000 hektar tanaman jagung bijian menjelang 2033

**JASIN:** Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menyasarkan kira-kira 80,000 hektar kawasan seluruh negara akan diusahakan dengan tanaman jagung bijian menjelang 2033 bagi menampung permintaan dalam negara yang kian meningkat sekali gus mengurangkan kebergantungan import dari negara luar.

Timbalan Menteri MAFI 1 Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, langkah itu diambil berikutan menyedari permintaan tinggi terhadap komponen makanan haiwan itu selain peningkatan harga mendadak di pasaran dunia sehingga memberi pelbagai kesan termasuk harga ayam semasa.

"Jika dahulu jagung bijian ini kurang mendapat perhatian untuk ditanam kerana harganya yang sangat murah sekitar RM500 untuk satu tan, seterusnya kepada RM900 satu tan dan harganya terus meningkat 110 peratus pada ketika ini iaitu RM1,900 untuk satu tan.

"Penanaman jagung bijian ini juga telah dilakukan di beberapa tempat iaitu kawasan



**TERIMALAH:** Ahmad (tengah) menyampaikan kotak pembelian kombo A kepada salah seorang pengunjung ketika hadir pada program Jualan Kasih Ramadan anjuran Lembaga Pemasaran Pertanian Malaysia (FAMA) di perkarangan Pejabat Parlimen Jasin di Merlimau di Jasin semalam. — Gambar Bernama

yang bersesuaian, antaranya di Melaka, Perlis dan sebagainya dan pihak kami juga amat mengalu-alukan penyertaan syarikat swasta untuk mengusahakan tanaman jagung ini dalam skala yang besar," katanya kepada pemberita di sini semalam.

Terdahulu beliau hadir pada program Jualan Kasih Ramadan

anjuran Lembaga Pemasaran Pertanian Malaysia (FAMA) di perkarangan Pejabat Parlimen Jasin di Merlimau di sini, yang turut dihadiri Ahli Lembaga Pengarah FAMA Datuk Ghazale Muhamad.

Sempena Jualan Kasih Ramadan itu orang ramai ditawarkan jualan jimat yang menawarkan harga lebih murah dari

pasaran iaitu kombo A berharga RM30 bagi pakej berupa beras lima kilogram, seekor ayam, dua paket minyak masak, satu papan telur dan nenas manakala kombo B berharga RM15 bagi pelbagai buah-buahan dan kombo C untuk sayur-sayuran.

Mengulas lanjut Ahmad berkata menerusi Dasar Agromakanan Negara, kementerian juga mengambil langkah sistematik termasuk menjalankan penyelidikan melalui agensi-agensi seperti Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dan sebagainya untuk mencari sumber alternatif.

"Seperti kita tahu jagung dan soya antara komponen penting untuk bahan makanan industri ternakan seperti unggas, ayam dan itik selain haiwan ruminan seperti lembu, kambing, kerbau dan sebagainya yang turut bergantung kepada nutrisi ini.

"Antara penyelidikan ditemui penggunaan isirong kelapa sawit (PKC) yang boleh dijadikan makanan alternatif bagi haiwan ternakan itu," katanya. — Bernama



05 APR, 2022

## MAFI sasar 80,000 hektar tanaman jagung bijian menjelang 2033

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

JASIN: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menyasarkan kira-kira 80,000 hektar kawasan seluruh negara akan diusahakan dengan tanaman jagung bijian menjelang 2033 bagi menampung permintaan dalam negara yang kian meningkat sekali gus mengurangkan kebergantungan import dari negara luar. Timbalan Menteri MAFI 1 Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, langkah itu diambil berikutan menyedari permintaan tinggi terhadap komponen makanan haiwan itu selain peningkatan harga mendadak di pasaran dunia sehingga memberi pelbagai kesan termasuk harga ayam semasa.

# Sasar 80,000 hektar tanam jagung bijian pada 2033

**MAFI usaha penuhi permintaan dalam negara, kurang keberuntungan import dari luar**

**Jasin:** Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menyasarkan kira-kira 80,000 hektar kawasan seluruh negara akan diusahakan dengan tanaman jagung bijian menjelang 2033 bagi menampung permintaan dalam negara yang kian meningkat, sekali gus mengurangkan keberuntungan import dari negara luar.

Timbalan Menteri MAFI 1, Datuk Seri Ahmad Hamzah, berkata langkah itu diambil berikutan menyedari permintaan tinggi terhadap komponen makanan haiwan itu, selain peningkatan harga mendadak di pasaran dunia sehingga memberi pelbagai kesan termasuk harga ayam semasa.

"Jika dahulu jagung bijian ini kurang mendapat perhatian urut-urutan kerana harganya yang sangat murah sekitar RM500 untuk satu tan, seterusnya kepada RM900 satu tan dan harganya terus meningkat 110 peratus pada ketika ini iaitu RM1,900 untuk satu tan.

"Penanaman jagung bijian ini juga telah dilakukan di beberapa tempat iaitu kawasan yang berseesuaian, antaranya di Melaka, Perlis dan sebagainya dan pihak



Ahmad (tengah) menyampaikan kata-kata pembelian Kombo A kepada penunjuang pada program Jualan Kasih Ramadan anjuran FAMA di pekarangan Pejabat Parlimen Jasin di Merlimau, semalam. (Foto:BERNAMA)

Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dan sebagainya untuk mencari sumber alternatif.

"Seperti kita tahu jagung dan soya adalah antara komponen penting untuk bahan makanan industri ternakan seperti unggas, ayam dan itik selain haiwan ruminan seperti lembu, kambing, kerbau dan sebagainya yang turut bergantung kepada nutrisi ini.

"Antara penyelidikan ditemui penggunaan istrong kelapa sawi (PKC) yang boleh dijadikan makanan alternatif bagi haiwan ternakan itu," katanya. BERNAMA

kami juga amat mengah-alukan penyertaan syarikat swasta untuk mengusahakan tanaman jagung ini dalam skala yang besar," katanya kepada pemberita di sini semalam.

Terdahulu beliau hadir pada program Jualan Kasih Ramadan anjuran Lembaga Pemasaran Pertanian Malaysia (FAMA) di pekarangan Pejabat Parlimen Jasin di Merlimau di sini, yang turut dihadiri Ahli Lembaga Pengetahuan Pertanian, Datuk Ghazalee Muhammad.

Sempena Jualan Kasih Ramadan, itu orang ramai ditawarkan

jualan jimat yang menawarkan harga lebih murah dari pasaran iaitu kombo A berharga RM690 bagi pakej berupa beras lima kilogram, seekor ayam, dua paket minyak masak, satu papan telur dan nenas, manakala kombo B berharga RM15 bagi pelbagai buah-buahan dan kombo C untuk sayur-sayuran.

Mengulas lanjut Ahmad berkata menerusi Dasar Agromakanan Negara, Kementerian juga mengambil langkah sistematik termasuk menjalankan penyelidikan melalui agensi-agensi seperti Institut Penyelidikan dan



**SEBAHAGIAN** lembu yang ditinggalkan penyeludup di tepi semak berhampiran Sungai Tok Rusa, Rantau Panjang kelmarin. – IHSAN PGA

## Seludup 12 ekor lembu Ramadan guna perahu

**RANTAU PANJANG** – Cubaan sekumpulan penyeludup membawa masuk 12 ekor lembu bernilai RM67,200 tidak kesampaian selepas kegiatan mereka dihidu anggota Pasukan Gerakan Am (PGA) di kawasan semak berhampiran Sungai Tok Rusa, Meranti di sini kelmarin.

Kegiatan itu dikesan Batalion 9 PGA ketika menjalankan tugas di sempadan Malaysia-Thailand melalui Op Wawasan kira-kira pukul 11 malam.

Pegawai Pemerintah Medan PGA, Superintendan Azhari Nusi berkata, anggota bertugas telah menjalankan intipan di kawasan itu selepas menerima maklumat mengenai kegiatan penyeludupan.

Menurutnya, lembu-lembu itu diseludup masuk ke negara

ini menggunakan perahu melalui bawah jambatan di jalan Kasban Sungai Tok Rusa yang bersambung dengan Sungai Golok.

“Beberapa orang lelaki dilihat menarik lembu dari atas perahu ke darat.

“Menyedari kehadiran anggota PGA, kumpulan penyeludup itu menaiki perahu itu sebelum melarikan diri ke negara jiran,” katanya semalam.

Azhari memberitahu, pemeriksaan di lokasi itu telah menjumpai 12 ekor lembu yang ditinggalkan dan dipercayai untuk dijual semasa bulan Ramadan di negeri itu.

Tambahnya, kes disiasat mengikut Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia 2011.

## 12 ekor lembu seludup dirampas

**PASIR MAS** - Pasukan Gerakan Am (PGA) mematahkan aktiviti penyeludupan 12 ekor lembu yang dibawa masuk secara haram ke negara ini menggunakan perahu dengan menyusuri Sungai Golok dalam serbuan di kawasan semak berhampiran Sungai Tok Rusa, Meranti, di sini pada Sabtu.

Rampasan lembu itu dilakukan oleh sepasukan anggota dari Batalion 9 PGA Kuala Terengganu yang melakukan penugasan Op Wawasan di sempadan Malaysia-Thailand pada jam 11 malam.

Pegawai Pemerintah Medan, Superintendan Azhari Nusi berkata, nilai rampasan keseluruhan lembu seludup itu dianggarkan berjumlah RM67,200.

“Bertindak atas maklumat, sepasukan anggota Batalion 9 telah membuat intipan dan melihat pergerakan perahu membawa lembu diseludup dari negara jiran ke Malaysia melalui bawah jambatan Jalan Kasban Sungai Tok Rusa yang bersambung dengan Sungai Golok,” katanya dalam kenyataan pada Isnin.

Menurutnya, sebaik sahaja perahu itu berhenti kelihatan beberapa orang lelaki sedang menarik lembu dari dalam perahu ke atas darat.

Beliau berkata, sejourus menyedari kehadiran pengadu bersama anggota, beberapa lelaki bertindak melarikan diri ke negara jiran menggunakan perahu bagi mengelak dicekup.

Azhari berkata, pemeriksaan telah menemui 12 ekor lembu di lokasi serbuan.

“Kita tidak menolak kemungkinan lembu-lembu ini dibawa masuk untuk memenuhi permintaan sepanjang bulan Ramadan,” ujarnya.

Menurutnya, kes disiasat bawah 11(1) Akta Pkhidmatan Kurantin Dan Pemeriksaan Malaysia 2011.

Oleh Syaherah Mustafam@hmetro.com.my

### Pasir Mas

Usaha sekumpulan lelaki yang memindahkan 12 lembu menggunakan perahu untuk diseludup masuk ke dalam negara gagal apabila kegiatan mereka dikesan anggota Batalion 9 Pasukan Gerakan Am (PGA9), di Sungai Tok Rusa, Meranti, di sini, malam kelmarin.

Pegawai Pemerintah Medan Superintendan Azhari Nusi berkata, dalam kejadian jam 10 malam itu, anggota bertugas membuat intipan dan mendapati terdapat pergerakan perahu di sungai berkenaan yang didalangi sekumpulan lelaki.

Katanya, hasil pemerhatian selamat beberapa minit, kumpulan lelaki berkenaan sedang memindahkan beberapa lembu ke tebing selepas membawa haiwan ternakan itu menyeberangi sungai terbabit.

"Anggota kemudian menghampiri mereka namun kesemua lelaki yang disyaki penyeludup ini melarikan diri menggunakan perahu ke negara jiran.

"Pemeriksaan dijalankan di tebing sungai dan terdapat 12 lembu bernilai RM67,200 dipercayai dibawa masuk dari Thailand untuk pasaran dalam negara. Anggota menunggu selama satu jam, namun tiada individu yang datang menuntut.

"Dengan dibantu anggota Batalion 7 Pasukan Gerakan Am (PGA7), mereka merampas kesemua lembu terbabit untuk siasatan lanjut sebelum diserahkan kepada Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis)," katanya dalam kenyataan media, semalam.

Katanya, kes disiasat di bawah Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia 2011.

Azhari berkata, siasatan mendapati kesemua lembu berkenaan dibawa untuk pasaran dalam negara yang mana bagi memenuhi permintaan daging di sepanjang Ramadan.

"Penyeludup menggunakan modus operandi dengan membawa masuk lembu pada waktu

# Lembu pandai naik perahu!

*PGA9 patahkan cubaan penyeludup bawa masuk 12 ekor lembu bernilai RM67,200 dari Thailand*



LEMBU seludup yang dirampas anggota PGA9 di Sungai Tok Rusa, Meranti.

malam bagi mengelak daripada pihak berkuasa dengan menarik haiwan ternakan itu menggunakan perahu menyeberangi sungai.

"Biasanya ternakan ini

Kawasan penyeludupan sentiasa berubah-ubah bagi mengelak dikesan

ditempatkan dahulu di kawasan semak sebelum dipindahkan menggunakan lori. Kawasan penyeludupan juga sentiasa berubah-ubah bagi mengelak dikesan

anggota bertugas," katanya.

Menurutnya, aktiviti penyeludupan sepanjang Ramadan dijangka terus berlaku, justeru pegawai dan anggota PGA yang bertugas di Ops Wawasan Kelantan akan terus bersiap sedia mengawal sempadan Malaysia-Thailand.



ORANG ramai mengunjungi tapak bazar Ramadan untuk membeli juadah berbuka puasa ketika tinjauan di Slingah Mata, Kota Kinabalu. - Gambar NSTP/MOHD ADAM ARININ

### Kuala Terengganu

**L**auk pauk berasaskan ayam masih menjadi pilihan utama masyarakat walaupun berlaku kenaikan antara RM3 dan RM5 seekor.

Tinjauan di bazar Ramadan di Dataran Shah Bandar, mendapati ayam bakar dijual pada harga RM27 seekor berbanding hanya RM22 Ramadan tahun lalu.

Seorang peniaga ayam madu Sarawak, Abd Wafi Zainuddin, 25, berkata, walaupun berlaku peningkatan harga, tetapi sambutan masyarakat amat menggalakkan apabila mampu menjual sebanyak 80 ekor dalam tempoh dua jam.

"Kenaikan harga ayam

## Harga naik sehingga RM5!

*Lauk pauk berasaskan ayam jadi pilihan berbuka puasa walaupun berlaku kenaikan harga*

mentah tidak boleh dielakkan berikutan kesukaran mendapatkan bekalan.

"Kami harap bekalan ayam mencukupi sepanjang Ramadan," katanya.

Abd Wafi yang menjual ayam Bakar madu Sarawak lebih tujuh tahun lalu ber-

kata, harga ayam mentah dibelinya daripada pembekal utama RM18 seekor.

"Kita berharap tiada lagi kenaikan harga ayam berlaku sepanjang Ramadan ini," katanya.

Pengunjung, Siti Rabiatul Tajulnisa, 20, berkata, ke-

naikan harga bukan terhad kepada ayam, malah pelbagai barangan keperluan asas lain termasuk daging.

"Pada pandangan saya, kenaikan ini boleh mengalar seluruh masyarakat berjinmat cermat dan tidak membazir," katanya.

## Langgar ketetapan harga siling ayam

**Johor Bahru:** Harga ayam segar di bandar raya ini naik kepada RM10 sekilogram bermula semalam, sekali gus dijual melebihi harga siling ditetapkan kerajaan iaitu RM8.90 sekilogram.

Tinjauan pasar basah utama di Pandan dan Larkin di sini, semalam mendapati kebanyakan penjual tidak mematuhi

harga siling ditetapkan kerajaan dan menjualnya antara RM9.50 hingga RM10 iaitu antara 60 sen hingga RM1.10 sen lebih tinggi.

Walaupun harga ayam mahal, pengguna dilihat berebut membeli bahan makanan itu berikutan stok ayam segar tidak banyak walaupun belum sampai waktu tengah hari.

Peniaga ayam, Hafizul Mohamad, 40, berkata, peniaga bahan mentah itu kini tersepit, berikutan menerima ayam segar pada harga RM8.60 sekilogram daripada pembekal.

Katanya, ia menyebabkan kebanyakan peniaga di bandar raya ini tidak dapat mematuhi harga siling ayam segar ditetapkan kerajaan.

"Peniaga menerima harga ayam segar RM8.60 sekilogram yang merangkumi kos pengangkutan sebanyak RM1 setiap kilogram. Peniaga membayar kos pengangkutan sejak kerajaan menguatkuasakan harga kawalan ayam, sedangkan sebelum ini kami tidak dikenakan kos pengangkutan," katanya.

## Harga berlainan ikut kos pembekal

**Arau:** Berlaku sedikit peningkatan harga ayam di Perlis sebaik bermulanya Ramadan pada kelmarin.

Tinjauan di Pasar Besar Arau dan gerai jualan ayam persendirian di Mata Ayer, Kangar mendapati harga ayam standard di negeri itu dijual sekitar RM8.90 hingga RM9.40 sekilogram.

Terdapat pelbagai variasi harga yang dijual oleh penjual ayam berdasarkan pembekal yang berlainan dalam membekalkan ayam ini kepada mereka untuk dijual.

Seorang peniaga, Ku Azri Mutalib, 37, berkata, dia menjual ayam segar dengan harga RM8.90 dan dia akui bahawa terdapat pelbagai variasi harga ayam mentah yang dijual di Pasar Besar Arau itu.

"Sebenarnya, ia bergantung kepada pembekal masing-masing yang membekalkan stok ayam mentah kepada penjual di sini dengan harga tertentu.

"Seperti yang kita ketahui, pelbagai kenaikan kos harga barang berlaku pada waktu ini jadi sudah tentulah pembekal akan menjual stok ayam mentah ini dengan harga tertentu dan kita sebagai penjual juga tidak boleh terus kekal dengan harga sebelum ini kerana ia hanya akan menyebabkan kita terus rugi," katanya ketika ditemui di Pasar Besar Arau di sini, semalam.

Menurutnya, sebelum ini pernah terjadi harga ayam mentah mencecah hingga RM12 bagi sekilogram.

Bagi seorang penjual ayam mentah persendirian yang dikenali sebagai Hussein, 30, kenaikan itu adalah biasa dan bukanlah sesuatu yang sengaja ditetapkan oleh penjual.

"Pembekal yang mem-



**Sebenarnya, ia bergantung kepada pembekal masing-masing yang membekalkan stok ayam"**

Ku Azri

bekalkan bekalan ayam mentah ini kepada saya dengan harga yang tinggi jadi untuk mendapatkan semula modal jualan saya perlulah menjual dengan harga yang agak setimpal seperti yang ditetapkan pembekal.

"Setakat ini, harga yang dijual adalah sekitar RM8.90 hingga RM9.40 dan harga ini tidak tetap dan berubah setiap masa bergantung kepada pembekal," katanya.

Sementara itu, Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Perlis, Norazah Jaapar berkata, pihaknya mengakui berlakunya peningkatan harga barang mentah terutama ayam di Perlis.

"Harga barang mentah pada satu hingga dua hari pada Ramadan ini berlaku peningkatan dengan kenaikan seperti ayam mentah standard didapati naik sebanyak 30 sen.

"Sebelum ini terutama sebelum Ramadan, harga ayam dijual sekitar RM8.90 namun ia mengalami peningkatan harga menjadikannya dijual pada harga RM9.20 sekilogram memandangkan peniaga juga ada memaklumkan pada kita terdapat peningkatan kos pada harga modal bekalan ayam mentah berkenaan dan ia tidak boleh dielakkan," katanya.

## Harga makanan di bazar Ramadan Kelantan naik RM2

**Kota Bharu:** Harga makanan di bazar Ramadan di Kelantan menyaksikan kenaikan antara 50 sen hingga RM2 berikutan kos bahan mentah meningkat.

Tinjauan di bazar perkarangan Stadium Sultan Muhammad IV mendapati harga ayam percik yang sebelum ini dijual antara RM8 hingga RM9 naik kepada RM10 seketul, roti John pula sebelum ini dijual antara

RM6 hingga RM7 naik kepada RM8, malah kenaikan membabitkan kuih-muih terutama yang berasaskan telur.

Malah, peniaga turut mengakui terpaksa menaikkan harga jualan disebabkan kos bahan mentah yang tinggi.

Bagaimanapun, sambutan terhadap bazar Ramadan pada hari pertama Ramadan sangat menggalakkan dan kebanyakan pengunjung te-

tap membeli seperti biasa walaupun berlaku kenaikan harga.

Pengunjung, Muhd Rusmizan Johari, 39, mengakui berlaku kenaikan harga makanan berbanding tahun sebelumnya namun dia tetap teruja untuk membeli.

"Memang ada sedikit kenaikan

dan kita faham kerana kos bahan mentah pun naik. Namun saya tetap membeli seperti biasa dan hari ini saya membeli lemak lembu bakar serta pelbagai kuih-muih.

"Asalkan harga tidak naik terlalu tinggi, kita tetap beri sokongan kepada peniaga," katanya ketika ditemui.

Pengunjung, Azrul Iskandar Ibrahim, 28, turut mengakui perkara sama dan pendekatan dia ambil adalah meninjau harga terlebih dahulu sebelum membeli.

"Apa yang saya lihat hampir semua menu berlaku kenaikan harga dan kita sebagai pembeli perlu bijak dalam berbelanja.

"Saya yakin di bazar Ramadan lain pun sama juga situasi kerana kos bahan

mentah naik," katanya.

Sementara itu, peniaga lauk pauk termasuk ayam percik, Nor Hafiru Yamin, 43, berkata dia terpaksa menaikkan harga makanan disebabkan kos bahan mentah yang semakin tinggi.

"Lebih 10 tahun saya berniaga di bazar Ramadan dan saya terpaksa menaikkan harga makanan bagi mengelak berlaku kerugian," katanya.

**Kenaikan harga membabitkan kuih muih terutama yang berasaskan telur**

# Amalan pertanian lestari



PERSPEKTIF

DR HALIZA ABDUL RAHMAN

**S**ektor pertanian merupakan salah satu sektor ekonomi primer terpenting yang mendapat tumpuan kerajaan kerana sektor ini merupakan pembekal makanan dan sumber bahan mentah kepada penduduk Malaysia. Ia juga merupakan sektor yang penting dalam menyumbang kepada pendapatan negara yang mana penghasilan hasil pertanian yang berterusan dapat memacu ekonomi negara ke arah yang lebih baik. Penekanan terhadap sektor pertanian juga membolehkan negara mengurangkan keberagantungan terhadap import makanan dari luar negara.

Pertanian merupakan antara aktiviti yang melibatkan kemerosotan penggunaan tanah dan habitat semula jadi. Dalam menghasilkan tanaman yang optimum dengan menghindar serangan daripada serangga perosak dan penyakit tanaman, lazimnya penggunaan racun kimia kalangan peladang merupakan kaedah

dalam menangani masalah tersebut. Penggunaan racun yang tidak terkawal atau tidak mematuhi piawai peraturan yang ditetapkan pastinya memberi kesan kepada kualiti tanaman, alam sekitar dan kesihatan pengguna. Sektor pertanian turut menghasilkan sisa-sisa pertanian yang perlu diruskan secara baik, namun, amalan membakar sisa tersebut ternyata memberi kesan negatif kepada alam sekitar.

Malaysia telah sepakat mengadaptasi Matlamat Pembangunan Lestari (Sustainable Development Goals -SDGs) yang menggariskan 17 matlamat utama semasa Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada tahun 2015. Justeru, sektor pertanian perlu berharmoni dengan alam sekitar dalam setiap aktiviti ke arah menghasilkan produk berkualiti, selamat dan mesra alam.

Hal ini kerana, kondisi persekitaran seperti perubahan iklim, perubahan suhu sekeliling serta pencemaran air, tanah dan udara sangat mempengaruhi amalan dan memberi impak terhadap sektor pertanian. Natijahnya, persekitaran yang berkualiti akan menghasilkan sumber air dan makanan yang bersih untuk kegunaan pertanian seterusnya menjamin kesejahteraan dan kesihatan manusia.

Tambahan pula, di peringkat pasaran dan kepenggunaan, pengguna dan peniaga yang cakna terhadap isu kelestarian akan meminta barangan 'berasaskan nilai' yang dikeluarkan melalui kaedah mesra alam.

Maka pertanian lestari iaitu, konsep pertanian yang tidak mencemarkan alam sekitar sangat diutamakan. Pertanian lestari yang merangkumi tiga komponen penting seperti perlindungan alam sekitar, ekonomi serta menjamin keselamatan sosial merupakan satu sistem yang berjaya bagi menguruskan sumber pertanian bagi memenuhi kebendah manusia di samping mengekalkan atau menambahbaik serta mengelakkan kemusnahan alam sekitar. Antara kriteria keperluan bagi amalan pertanian lestari adalah seperti kesihatan tanah, pengurusan nutrien, pengurusan air, pengurusan perosak, tenaga dan biodiversiti. Keenam-enam elemen ini menjadi indikator ke arah amalan pertanian lestari.

Di Malaysia, amalan pertanian lestari telah mula diperkenalkan pada awal tahun 1998 dan disambut baik oleh agensi-agensi pertanian untuk digunakan dalam operasi kawasan pertanian bagi peladang serta pekebun kecil. Jabatan Pertanian pula telah mengambil langkah positif dalam mengurangkan ke-

bergantungan kepada input baja kimia bagi pengeluaran hasil tanaman dengan memperkenalkan Sistem Amalan Integrasi Pertanian, Sistem Amalan Pertanian Baik (GAP) dan Kebun Organik.

Sekiranya penggunaan bahan kimia diperluaskan, ia akan digunakan seminimum yang mungkin dengan cara dan kepekatan yang dibenarkan. Ciri amalan pertanian lestari lain yang dipraktik melibatkan pengkomposan yang sangat membantu dalam mengurangkan pencemaran alam. Malah, amalan menanam tanaman kekacang penutup bumi turut membantu mencegah hakisan tanah serta mengelakkan pencemaran air di kawasan ladang pada waktu hujan.

Pertanian lestari ternyata membawa banyak kebaikan. Namun, pertanian lestari hanya boleh berjaya apabila semua pemegang taruh memainkan peranan dengan jayanya. Paling utama, pengusaha pertanian harus diberi kesedaran dan latihan yang betul sebagai salah satu langkah persediaan mempraktikkan amalan pertanian ini.

*\*Profesor Madya Dr Haliza Abdul Rahman ialah Ketua Laboratori Belta Dalam Kepimpinan, Politik dan Kawarganegaraan Institut Pengajian Sains Sosial (IPSSAS) Universiti Putra Malaysia*



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/4/2022	BERITA HARIAN	ONLINE	

## Harga ayam naik 30 sen di Perlis



Ayam mentah standard di Perlis dijual sekitar RM8.90 hingga RM9.40kg pada awal Ramadan. - Foto NSTP/Aizat Sharif

ARAU: Harga ayam di Perlis naik 30 sen bermula semalam antara RM8.90 hingga RM9.20 sekilogram (kg) berikutan pembekal mendakwa berlaku peningkatan kos harga barangan.

Tinjauan di Pasar Besar Arau dan gerai jualan ayam persendirian di Mata Ayer, Kangar mendapati terdapat pelbagai jenis harga dijual oleh penjual ayam berdasarkan pembekal yang berlainan.

Peniaga ayam, Ku Azri Mutalib, 37, berkata dia menjual ayam segar pada harga RM8.90kg dan mengakui terdapat pelbagai variasi harga ayam mentah yang dijual di Pasar Besar Arau.

"Sebenarnya, ia (harga) bergantung kepada pembekal masing-masing yang membekalkan stok ayam mentah kepada penjual dengan harga tertentu.

"Seperti yang kita tahu, terdapat pelbagai kenaikan kos harga barangan ketika ini, jadi sudah tentulah pembekal akan menjual stok ayam mentah dengan harga tertentu dan kita sebagai penjual juga tidak boleh terus kekal dengan harga sebelum ini," katanya ketika ditemui di Pasar Besar Arau hari ini.

Beliau berkata, sebelum ini juga pernah terjadi harga ayam mentah mencecah sehingga RM12kg

Seorang lagi peniaga ayam yang mahu dikenali sebagai Hussein, 30, berkata kenaikan harga itu adalah biasa dan bukanlah sesuatu yang sengaja ditetapkan oleh penjual.

"Pembekal membekalkan bekalan ayam mentah ini kepada saya dengan harga yang tinggi, jadi untuk mendapatkan semula modal jualan saya perlulah menjual pada harga yang agak setimpal seperti yang ditetapkan pembekal.

"Setakat ini, harga yang dijual sekitar RM8.90 hingga RM9.40kg dan harga ini tidak tetap dan berubah setiap masa bergantung kepada pembekal," katanya.

Sementara itu, Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Perlis, Norazah Jaapar, berkata pihaknya mengakui berlaku peningkatan harga barangan mentah terutama ayam mentah di Perlis.

"Harga barangan mentah pada satu hingga dua hari Ramadan ini mengalami peningkatan dengan kenaikan seperti ayam mentah standard sebanyak 30 sen.

"Ketika sebelum Ramadan, harga ayam dijual sekitar RM8.90kg, namun ia mengalami peningkatan sehingga RM9.20kg memandangkan peniaga juga ada memaklumkan kepada kita terdapat peningkatan kos pada harga modal bekalan ayam mentah dan ia tidak boleh dielakkan.

"Harga ayam mentah di Perlis ketika ini sudah melepasi Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) yang ditetapkan kerajaan sejak awal tahun ini," katanya ditemui ketika melakukan tinjauan harga barang makanan di Bazar Ramadan Persiaran Wawasan, Kangar.

Norazah berkata, menyedari hal itu pihaknya sudah memaklumkan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan dan perkara itu sudah dalam perhatian dan tindakan kementerian berkenaan.

"Selain ayam, terdapat juga kenaikan harga cili merah sebanyak RM2 dengan sebelum ini harganya sekitar RM15kg, namun ia dijual pada harga RM17kg pada waktu ini," katanya.

## LOW SUPPLY, HIGH DEMAND

# Chicken goes for RM10 a kg in Johor

**JOHOR BARU:** The price of chicken here has increased to RM10 per kg from Sunday, above the ceiling price of RM8.90 set by the government.

A check at wet markets in Pandan and Larkin here found that most traders did not comply with the ceiling price set by the government and chicken is sold from RM9.50 to RM10 per kg.

Although chicken is getting costlier, consumers were seen scrambling to buy the fowl, with supply depleting even before noon.

Chicken trader Hafizul Mohamad, 40, said supply was tight, as live birds were arriving at a high price of RM8.60 per kg from the supplier.

This resulted in most traders in the city being unable to comply with the government's ceiling price.

"Traders receive chicken at a

price of RM8.60 per kg, which includes transportation costs of RMI per kg.

"Traders have had to pay transportation costs since the government enforced the chicken price control on Feb 5, whereas previously we were not charged transportation costs.

"How can traders sell chicken at the (retail) price of RM8.90 per kg when the price of chicken (at wholesale) is already RM8.60?

"We, chicken traders, are in a tight spot because the stock of fresh chicken is now limited.

"In fact, the price of chicken received from suppliers is already high, so traders are unable to recoup their capital as they have to pay rent for the premises, utility bills and employee salaries.

"In the past, during Ramadan, traders could sell up to 500 chickens a day, but now the supply is insufficient and declining.

"Suppliers now ration the number of chickens supplied to traders, causing us to receive only about half the orders made. For example, I ordered 500 chickens but received only 200," he said yesterday.

On Feb 5, the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry imposed a ceiling retail price of RM8.90 per kg for chicken in Peninsular Malaysia.

Its minister, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, said the price would be effective from Feb 5 to June 5 to ensure the stability of chicken and related feed prices.

Consumers were disappointed with the high chicken prices as well as its limited supply.

Civil servant Fairuz Talib, 34, said he was shocked to find that the price of fresh chicken had risen sharply to RM10 per kg.

"I am actually from Kuala Lumpur and returned home to



People buying chicken at a market in Johor Baru yesterday. PIC BY MOHAMED FARID NOH

my village for an early Ramadan holiday.

"In Kuala Lumpur, the price of chicken never reached more than RM9 per kg, so I was quite shocked when I bought a chicken at RM10 per kg.

"The sudden increase in the price of chicken during Ramadan is very unreasonable and is a burden on the ordinary people.

"Why is there a high price dur-

ing Ramadan when chicken is a major food item for Muslims?"

Government pensioner Manan Abd Hamid, 76, said the supply of chicken at markets he frequented was nearly depleted by noon.

"Traders claimed suppliers gave them chicken in small quantities and were expensive, forcing them to increase the price.

"The RM10 price is very burdensome."

5/4/2022

UTUSAN

DALAM

12

MALAYSIA

NEGERI

# Harga ayam standard melambung RM1.10

Oleh MOHAMAD

FAIZAL HASHIM dan  
NUR NAZLINA NADZARI  
utusannews@mediamulla.com.my

**PETALING JAYA:** Pengguna di Johor Bahru terus terbeban apabila harga ayam standard meningkat sebanyak RM1.10 daripada harga runcit ditetapkan setelah kini melambung sehingga RM10 sekilogram.

Di pasar Kuala Perlis, pengguna juga mengeluh apabila seekor ayam mentah dijual RM9.20 sekilogram berbanding RM8.90 yang telah ditetapkan kerajaan.

Bekalan ayam segar yang tidak mencukupi menyebabkan pengguna termasuk peniaga bazar Ramadan sukar mendapat bekalan ayam segar untuk dijadikan menu jualan orang ramai terbuka puasa.

Tinjauan di beberapa pasar basah di Johor Bahru mendapati, kebanyakan peniaga menjual ayam segar antara RM9.50 hingga RM10 sekilogram setelah pembekal mengenakan caj penghantaran yang mahal.

Peniaga, Hafizul Mohamad, 40, berkata, caj penghantaran oleh pembekal amat tinggi iaitu RM1 bagi setiap sekilogram menjadikan jumlah yang perlu mereka bayar ialah RM8.60.



**HAFIZUL Mohamad menyusun ayam segar yang dijual di lot niaganya di pasar basah di Pandan, Johor Bahru, semalam. - UTUSAN/MOHAMAD FAIZAL HASHIM**

Katanya, ia memaksa mereka menaikkan harga jualan ayam standard kepada RM10 sekilogram, iaitu RM1.10 lebih mahal berbanding harga runcit ditetapkan RM8.90 sekilogram.

"Pembekal ini memang licik, mereka tidak melanggar harga borong ayam standard yang dibekalkan pada RM7.60 sekilogram kepada kami sebaliknya mengenakan kos penghantaran sehingga RM1 bagi setiap seki-

logram ayam.

"Ini menyebabkan harga yang kami terpaksa bayar adalah RM8.60 sekilogram. Malah boleh jual ikut harga ditetapkan (RM8.90), mahu tak mahu terpaksa jual RM10 sekilogram mengambil kira kos lain," katanya ketika ditemui.

Sementara itu, di Kangar, peniaga ayam, Madinah Mansor, 51, berkata, pembekal menaikkan harga 30 sen seki-

logram sejak hari pertama Ramadan, namun tidak maktumkan alasan kenaikan.

Katanya, peniaga tidak mempunyai pilihan terpaksa menaikkan harga bagi mengelak menanggung kerugian.

"Apa pun kami minta pihak kerajaan dapat memantau kenaikan harga ayam di peringkat ladang ternakan bagi mengetahui sebab kenapa harga naik setiap kali Ramadan," katanya.

# Harga ayam naik, stok berkurangan

tersepit kerana menerima bekalan pada harga tinggi iaitu RM8.60 sekilogram daripada pembekal.

Katanya, ia menyebabkan kebanyakan peniaga tidak dapat mematuhi harga siling ayam segar yang ditetapkan kerajaan.

"Peniaga menerima harga ayam segar RM8.60 sekilogram merangkumi kos pengangkutan RM1 setiap kilogram.

"Kami terpaksa membayar kos pengangkutan sejak kerajaan menguatkuasakan harga kawalan ayam 5 Februari lalu, sedangkan sebelum ini kami tidak dikenakan kos itu (pengangkutan).

"Bagaimana peniaga nak jual ayam segar RM8.90 sekilogram mengikut harga kawalan, sedangkan harga ayam sampai pun sudah RM8.60.

"Jika duh setiap kali Ramadan peniaga dapat jual sehingga 500 ayam sehari, kini stok tidak mencukupi. Pembekal 'mencatu' bekalan kepada peniaga menyebabkan kami hanya menerima separuh daripada pesanan," katanya ketika ditemui, semalam.

Pengguna pula kecewa harga ayam yang mahal, selain stoknya berkurangan.

Penjawat awam, Fairuz Talib, 34, berkata beliau terkejut mendapati harga ayam segar naik men-

dadak kepada RM10 sekilogram.

"Saya sebenarnya dari Kuala Lumpur dan pulang ke kampung menyambut Ramadan. Di Kuala Lumpur harga ayam rasanya tidak pernah lebih RM9 sekilogram, jadi saya terkejut apabila beli ayam tadi (semalam) RM10," katanya kenaikan harga ayam ketika Ramadan amat tidak munasabah dan membekalkan rakyat.

Pesara kerajaan, Manan Abd Hamid, 76, berkata stok ayam juga semakin berkurangan dan hampir habis ketika beliau sampai ke pasar kira-kira jam 12 tengah hari.

"Harga naik sehingga RM10 sekilogram, sangat membebankan, apatah lagi ini makanan utama rakyat," katanya.

Pada 5 Februari lalu, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPD-NHEP) menetapkan harga siling runcit ayam standard RM8.90 sekilogram di Semenanjung.

Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi dilaporkan kuasa mulai 5 Februari sehingga 5 Jun depan iaitu selama 121 hari bagi menjamin kestabilan harga ayam dan makanan berkaitan harga mentah itu.

Di Arau, harga ayam mentah di Perlis naik 30 sen bermula



Harga ayam di Arau, Perlis naik 30 sen bermula kelmarin dijual RM8.90 hingga RM9.20 sekilogram. (Foto Aizat Sharif/BH)

kelmarin antara RM8.90 hingga RM9.20 sekilogram berikutan pembekal mendakwa berlaku peningkatan kos harga barangan. Peniaga ayam di Pasar Besar Arau, Ku Azri Mutalib, 37, berkata dia menjual ayam segar RM8.90 sekilogram dan mengakui terdapat pelbagai jenis harga ayam mentah yang dijual di pasar itu.

"Sebenarnya, ia (harga) bergantung kepada pembekal yang membekalkan stok ayam mentah kepada penjual dengan harga tertentu.

"Terdapat pelbagai kenaikan kos harga barangan ketika ini, jadi sudah tentu pembekal menjual stok ayam mentah pada harga tertentu dan kita sebagai penjual juga tidak boleh terus kekal dengan harga sebelum ini," katanya.

Seorang lagi peniaga ayam yang mahu dikenali sebagai Hussein, 30, berkata kenaikan harga itu adalah biasa dan bukan sengaja ditetapkan penjual.

"Pembekal membekalkan be-

kalan ayam mentah kepada saya dengan harga tinggi, jadi untuk mendapatkan semula modal jualan saya perlu menjual pada harga yang agak setimpal seperti ditetapkan pembekal," katanya.

Sementara itu, Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Perlis, Norazah Jaapar, berkata pihaknya mengakui berlaku peningkatan harga barangan mentah terutama ayam di negeri itu.

"Harga barangan mentah pada satu hingga dua hari Ramadan mengalami peningkatan dengan kenaikan seperti ayam mentah standard sebanyak 30 sen.

"Harga ayam mentah di Perlis ketika ini sudah pun melepasi Skim Harga Maksimum Kerajaan Malaysia (SHMKM) yang ditetapkan kerajaan sejak awal tahun ini," katanya ketika ditemui mengenai tinjauan harga barang makanan di Bazar Ramadan Peredaran Wawasan, Kangar.

5/4/2022

UTUSAN  
MALAYSIADALAM  
NEGERI

80

# Lembu 'dara' jadi rebutan

Oleh TOREK SULONG

utusannews@mediamulia.com.my

**KUALA KRAI:** Daging lembu tempatan yang dijual di sepanjang jalan Kampung Laloh, di sini kini menjadi rebutan orang ramai apabila mengekalkan harga jualan RM30 sekilogram sepanjang Ramadan ini.

Difahamkan, kebanyakan pembeli daging lembu tempatan di daerah lain sudah menaikkan harga antara RM35 hingga RM38 sekilogram berikutan kenaikan harga dedak yang mencanak ketika ini.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, salah seorang peniaga terbabit, Abdullah Ismail, 60, berkata, kumpulan peniaga di jalan itu yang menjual daging lembu 'dara' iaitu lembu betina muda sepatat untuk tidak menaikkan harga.

Kata Abdullah, sepanjang Ramadan ini, daging lembu dara kekal RM30 sekilogram manakala tulang, perut serta organ dalaman haiwan itu kekal RM25 selonggok.

"Harga dedak ketika ini memang tinggi namun bukan alasan untuk kami menjual daging lembu tempatan pada harga 'kayangan'."

"Penternak di kampung ini masih ada pilihan lain untuk memberi lembu masing-masing makan iaitu menggunakan



**ABDULLAH ISMAIL (bersemutar) melayan pembeli di gerai daging lembu yang dibuka di tepi Jalan Kampung Laloh, Kuala Krai. - UTUSAN/TOREK SULONG**

rumpun yang ditanam," katanya ketika ditemui di gerai jualan daging di Kampung Laloh di sini semalam.

Seorang lagi peniaga, Muhammad Fadil Abdul Razak, 40, berkata, jualan daging lembu segar pada Ramadan ini meningkat sekali ganda kerana menerima permintaan tinggi

berbanding hari biasa.

"Orang ramai gemar mendapatkan daging lembu dara kerana isinya dikatakan lebih lembut."

"Disebabkan jualan laris biarpun baru hari kedua Ramadan, saya rancang untuk sembelih dua hingga empat ekor lembu sehari sepanjang bulan puasa ini

bagi menampung permintaan pelanggan," katanya.

Tambah Muhammad Fadil, selain penduduk tempatan, pelanggan yang singgah di gerai tepi jalan itu merupakan anak perantauan Kelantan dari Kuala Lumpur yang pulang untuk menyambut awal Ramadan bersama keluarga di kampung.

\*Harga (RM/kg) Sumber: KUALA KRAI

Kenaikan sebanyak RM1.10, peniaga dakwa pembekal naikan caj penghantaran

## Harga ayam 'cekik darah' RM10 sekilo

Oleh MOHAMAD FAIZAL HASHIM

**JOHOR BAHRU** - Pengguna di bandar raya ini terus terbeban selepas harga ayam standard naik RM1.10 menjadikan harga jualan melambung antara RM9.50 sehingga RM10 sekilogram.

Kenaikan itu dakwa peniaga berikutan tindakan pembekal yang menaikkan caj penghantaran iaitu RM1 bagi setiap sekilogram ayam berbanding 50 sen sebelum ini.

Peniaga, Hafizul Mohamad, 40, berkata, caj penghantaran yang dikenakan pembekal sangat tinggi iaitu RM1 sekilogram menjadikan jumlah yang perlu mereka bayar ialah RM8.60.

Katanya, langkah itu memaksa mereka untuk menaikkan harga jualan ayam standard kepada RM10 sekilogram iaitu RM1.10 lebih mahal banding harga runcit ditetapkan, RM8.90 sekilogram.

"Pembekal memang licik, mereka tidak melanggar harga borong ayam standard yang dibekalkan pada RM7.60 sekilogram sebaliknya mengenakan kos penghantaran sehingga RM1 bagi setiap sekilogram ayam.

"Ini menyebabkan harga yang kami terpaksa bayar adalah RM8.60 sekilogram, sudah tentu tidak boleh jual ikut harga ditetapkan (RM8.90), mahu tak



**HAFIZUL** menyusun ayam segar yang dijualnya dengan harga RM10 sekilogram di Pasar Awam Smart Pandan, Johor Bahru, semalam.

mahu terpaksa jual RM10 sekilogram dengan mengambil kira kos lain," katanya semalam.

Mengulas lanjut, Hafizul memberitahu, kenaikan harga ayam segar itu turut menyebabkan

bekalan bahan mentah tersebut sukar diperolehi dan dia hanya menerima 200 ekor sahaja.

"Kebiasaannya, saya tempah 500 ekor ayam segar setiap hari, tetapi hari ini dapat 200 sahaja dan saya terpaksa hadkan jualan, seorang pelanggan hanya boleh beli lima ekor sahaja.

"Permintaan ketika ini sangat tinggi, kira-kira pukul 12 tengah hari semua ayam segar ini habis dijual. Harap pihak kerajaan dapat mengambil tindakan sewajarnya berkenaan kenaikan harga dan kekurangan bekalan ayam segar ini," tambahnya.

Menurut seorang pelanggan, Fairus Taib, 34, dia terkejut melihat harga ayam standard melambung sehingga RM10 sekilogram dan menyifatkan ia sangat membebankan pengguna.

"Kenaikan harga ayam ketika Ramadan ini amat tidak munasabah dan membebankan masyarakat Islam umumnya, tiada pilihan lain selain perlu membayar harga 'cekik darah' ini," ujarnya.

Bagi pesara kerajaan, Manan Abd Hamid, 76, bekalan ayam segar itu hampir habis ketika tiba ke pasar berkenaan kira-kira 12 tengah hari dan harganya cukup tinggi.

"Jika dahulu, harga tidak sampai RM9 tetapi kini mencecah RM10 sekilogram. Apa nak buat, terpaksa beli kerana cucu suka makan ayam," ujar.

## Penduduk harap Wang Kelian 'hidup' semula

**PADANG BESAR** - Kelangan penduduk berharap lebih ramai pengembara menggunakan pintu antarabangsa Wang Kelian dekat sini yang dibuka Jumaat lalu untuk keluar masuk antara Malaysia-Thailand bagi menghidupkan semula aktiviti ekonomi kawasan itu.

Kawasan tersebut diibaratkan sebagai 'pekan mati' selepas kerajaan memansuhkan Zon Aliran Bebas pada 2015 yang menjadi tarikan utama Wang Kelian dahulu.

Selain itu, penduduk berharap agar kompleks Arked Pekan Sehari Wang Kelian yang dinaik taraf dapat beroperasi dalam masa terdekat.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Wang Kelian, Md. Razak Daud berkata, pembukaan pintu sempadan pada 1 April lalu dan fasa per-

alihan ke endemik diyakini mampu menghidupkan semula suasana di situ.

"Sekiranya ramai pengembara masuk ke negara ini, menerusi Wang Kelian sudah tentu peluang perniagaan akan kembali terbuka setelah sekian lama malap ekoran penutupan pasar sempadan wabak Covid-19," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Sementara itu, seorang penduduk, Mohd. Syafiq Abdullah, 74, berkata, pembukaan sempadan memberi peluang untuknya menjana pendapatan sampingan dengan menjual hasil pertanian.

"Saya menyara hidup dengan jualan hasil pertanian seperti durian dan merasakan pembukaan sempadan ini memberi nafas baharu kepada golongan B40 seperti kami menambah pendapatan," katanya.

## Daging lembu 'dara' dijual murah

**KUALA KRAI** - Orang ramai yang ingin menikmati daging lembu 'dara' atau lembu betina muda boleh mendapatkannya di gerai sepanjang jalan Kampung Laloh di sini, dengan harga RM30 sekilogram.

Seorang pentaga, Abdullah Ismail, 63, berkata, selain daging lembu, harga tulang, perut dan organ dalaman hewan itu masih kekal dijual RM25 sekilogram.

Menurutnya, harga berkenaan lebih murah berbanding daerah lain yang menjual antara RM35 hingga RM38 sekilogram.

"Harga dedak yang tinggi bukan alasan untuk menjual daging pada harga kayangan.

"Penternak boleh memberi lembu makan rumput sekiranya harga dedak terus meningkat," katanya semalam.

Peniaga lain, Muhamad Fadli Abdul Razak, 40, berkata, dia menambah bilangan jualan daging pada bulan Ramadan kerana menerima permintaan tinggi se-



**ABDULLAH** (kiri) melapah dan membungkus daging lembu di gerainya di Kampung Laloh, Kuala Krai semalam. - TOREK SULONG

lalu pembeli lebih gemar mendapatkan bekalan lembu dara yang lebih lembut dagingnya.

"Saya menjangkakan dua

hingga empat ekor lembu akan disembelih untuk jualan sehari-sepanjang Ramadan berbanding sebelum ini," jelasnya.